

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera Dan Salam Perpaduan,**

Tuan/ Puan,

Dengan hormatnya dikemukakan laporan media pada tarikh **23 Januari 2020 (Khamis)** untuk makluman warga PERPADUAN.

BERITA / ARTIKEL :

BIL	TARIKH	TAJUK BERITA	AKHBAR	M/S	KATEGORI
1	23 Jan 2020 (Khamis)	Kempen pelengkap usaha perpaduan	Sinar Harian	6	Makluman

2. SINOPSIS :

1. 23 Jan 2019 (Khamis), Sinar Harian ms 6:

Kempen Uninstall kebencian : Reboot #MalaysiaHarmoni yang dilancarkan Kumpulan Karangraf disifatkan sebagai pelengkap kepada kempen #PilihPerpaduan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri P Waytha Moorthy berkata ia sejajar dengan usaha yang dilakukannya sejak Februari 2019 melalui perbincangan yang telah diadakan dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan penduduk dan korporat bagi mencari penyelesaian terbaik untuk meningkatkan perpaduan Negara. Usaha ini sekali gus mendorong aspirasi kerajaan untuk membina sebuah komuniti yang sentiasa memahami dan menghormati kepelbagaian agama, budaya yang selama ini menjadi tunjang belakang kekuatan rakyat Malaysia

Kempen pelengkap usaha perpaduan

Menghidupkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat di negara ini

SHAH ALAM

Kempen Uninstall Kebencian: Reboot #MalaysiaHarmoni yang dilancarkan Kumpulan Karangkrif disifatkan sebagai pelengkap kepada kempen #PilihPerpaduan yang telah diilhamkan Kementerian Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P Waytha Moorthy berkata, ia sejajar dengan usaha yang dilakukan pihaknya sejak Februari 2019 melalui perbincangan yang telah diadakan dengan badan-badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan penduduk dan korporat bagi mencari penyelesaian terbaik untuk meningkatkan perpaduan negara.

Menurutnya, pihaknya amat terharu dengan sokongan daripada



WAYTHA MOORTHY

Sinar Harian dalam menghidupkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat di negara ini.

"Usaha ini sekali gus mendoong aspirasi kerajaan untuk membina sebuah komuniti yang sentiasa memahami dan menghormati kepelbagaian agama, adat resam dan budaya yang selama ini menjadi tunjang belakang kekuatan seluruh rakyat Malaysia," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Baru-baru ini Penerbit *Sinar Harian*, Datuk Dr Hussamuddin Yaacub menganjurkan kempen berkenaan bagi menyatupadukan etnik di negara ini dan mendapat

sokongan pemimpin di negara ini.

Beliau juga menyeru rakyat Malaysia menjiwai Rukun Negara melalui kempen terbabit selain mencadangkan tarikh 13 Mei 2020 dijadikan sebagai Hari Meraayakan #MalaysiaHarmoni.

Sementara itu, Waytha Moorthy bersetuju dengan saranan Hussamuddin untuk menjadikan 13 Mei sebagai Hari Perpaduan dan berharap agar setiap rakyat Malaysia dapat mengukuhkan semula keakraban dan kepersepakatan yang telah dibina selama ini.

Menurutnya, satu sesi perjumpaan meja bulat akan diadakan dalam waktu terdekat bagi mengemblem tenaga semua pihak berkepentingan demi menjayakan visi Perpaduan dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

"Saya berharap agar lebih banyak badan-badan korporat dan individu berpengaruh dapat bersama-sama kerajaan merealisasikan harapan memperbaiki dan meningkatkan kesefahaman antara kaum, menghapuskan unsur-unsur negatif dalam perhubungan seharian demi membina sebuah komuniti yang benar-benar inklusif dan seimbang," katanya.

"Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian"

MOHD FAISAL BIN SALEH

Bahagian Korporat

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Jabatan Perdana Menteri